

BIL	TAHUN / KALI	NEGERI	JENIS KAWAD
7	2005 Kali ke - 7	Melaka	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan Kawat Kaki 2. Kawat Operasi Menyelamat dan Menurunkan Mangsa 3. Kawat Menyelamat Di Air 4. Kawat Hantaran Jauh Berhalangan 5. Kawat Operasi Kemalangan Jalan Raya (RTA) 6. Perbincangan Sindiket / Strategi Taktik Operasi (Table Top) 7. Firefighters Endurance
8	2006 Kali ke - 8	FRAM Wakaf Tapai, Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan Kawat Kaki 2. Kawat Operasi Menyelamat dan Menurunkan Mangsa 3. Kawat Menyelamat Di Air 4. Kawat Hantaran Jauh Berhalangan 5. Kawat Operasi Kemalangan Jalan Raya (RTA) 6. Perbincangan Sindiket / Strategi Taktik Operasi (Table Top) 7. Firefighters Challenge <p>Perhatian! Firefighters Endurance telah digantikan nama Firefighters Challenge</p>
9	2007 Kali ke - 9	FRAM Wakaf Tapai, Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan Kawat Kaki 2. Kawat Operasi Menyelamat dan Menurunkan Mangsa 3. Kawat Menyelamat Di Air 4. Kawat Hantaran Jauh Berhalangan 5. Kawat Operasi Kemalangan Jalan Raya (RTA) 6. Perbincangan Sindiket / Strategi Taktik Operasi (Table Top) 7. Firefighters Challenge <p>Perhatian! Pada tahun ini, Standard Piawai Kecemerlangan PKK telah diperkenalkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan. Ia bertujuan untuk mempertingkatkan mutu tahap prestasi, kecekapan, gerak kerja, serta ketangkasan anggota / pegawai berkaitan kebombaanan.</p>

2. PERUNTUKAN

Sejak daripada tahun 2004 hingga kini, JBPM telah memperuntukkan perbelanjaan dalam Dasar Baru untuk PKK sebanyak RM 500,000.00 (Ringgit : Lima Ratus Ribu Sahaja) untuk diagihkan kepada semua JBPM negeri-negeri bagi tujuan latihan intensif dan kos-kos yang berkaitan dengan PKK.

Ibu Pejabat,
Bahagian Latihan dan Perancangan Tenaga Manusia,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PUTRAJAYA.
Zm/info

Kehebatan FFC memang tidak dinafikan lagi, kesukaran dan kepayahan yang mengunung mampu membuatkan sesiapa sahaja ' bercerai talak tiga' dengan kesengsaraannya. Justeru tidak hairanlah mengapa anggota-anggota dari peringkat biasa hinggalah ke peringkat tertinggi semuanya menunggu dan menantikan debaran cabaran persaingan FFC ini. Mendengarkan namanya saja sudah membuatkan hati teruja dan terbayang-bayang akan kehebatan cabaran acara ini sebagaimana sehebat nama panggilannya.



Kepada pendaatang baru dalam acara ini, laluan FFC yang terletak di sekitar kawasan akademi sememangnya memberi trauma baru kepada peserta apatah lagi menurut laporan jawatankuasa teknikal, sedikit perubahan kepada laluan dibuat yang menyebabkan laluan kali ini dikatakan lebih mencabar berbanding dari tahun sebelumnya.

Firefighters' Challenge



FFC adalah suatu manifestasi cabaran yang ditempuhi oleh anggota bomba secara fizikal dan mental. Kita boleh menilai dan membuat andaian betapa sukarnya anggota-anggota bertungkus lumus dalam usaha melepasi halangan demi halangan, cabaran demi cabaran. Namun 'Berat mata memandang, Berat lagi bahu memikul', tapi apa yang menarik adalah kebanyakan cabaran dan rintangan itu berkait rapat dengan ekosistem semulajadi yang ada di sekeliling kita, misalnya air, suhu, udara, muka bumi, tumbuh-tumbuhan, habitat alam dan sebagai. Faktor-faktor dan ciri-ciri tersebutlah yang banyak mempengaruhi tindakan, tempoh, pergerakan, emosi, sikap, perasaan, dan seumpamanya. Pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan fenomena alam semulajadi akan banyak membantu kita dalam mengharungi cabaran dan rintangan yang ditempuhi.

FFC menagih dan menuntut kecekalan, kekuatan, keberanian, ketabahan, kebijaksanaan, kegigihan, kesabaran, ketenangan dan berbagai-bagai lagi sifat ideal seorang wira penyelamat. Sifat-sifat positif inilah yang sentiasa diterapkan kepada anggota-anggota namun ianya boleh dan mungkin akan bertukar sebaliknya apabila anggota berhadapan dengan saat-saat mencabar dan mencemaskan. Perubahan sikap dan tingkahlaku yang mendadak ini akan mempengaruhi tindakan, suasana dan mood anggota serta ahli pasukan yang dianggotai. Tidak hairanlah dalam FFC ini, pengurusan Stress perlu diamalkan mengikut kebijaksanaan dan kemahiran masing-masing dalam pasukan.



Kita yakin mereka yang datang menyahut cabaran FFC ini adalah anggota yang terbaik dari segi mental dan fizikal. Mereka yang telah bertungkus lumus melengkapkan diri untuk menghadapi saat dan ketika bagi pertandingan ini. Mereka yang datang ini telah menemui dan menyediakan adunan dan ramuan sebagai juara. **FFC 2007.**

Mutiara kata

“ Tanpa permulaan, anda tidak akan sampai kemana-mana ”



WAKTU SOLAT DAERAH MARANG, TERENGGANU

28 Julai 2007 (Sabtu) / 13 Rejab 1428H

"Dan dirikanlah olehmu solat, kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar"

(Al Ankabut : 45)

Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Magrib	Isyak'
5.42	7.03	1.16	4.38	7.26	8.40

**INFO SEJARAH
PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN 2007
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
SEJARAH PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN (PKK) JBPM**

Pertandingan Kawad Kecekapan atau PKK telah lama diadakan sejak tahun 1999 hinggalah hari ini. Peningkatan dan perubahan mengenai PKK setiap tahun telah dibuat dan ianya bersesuaian dengan perkembangan dan kemajuan semasa negara. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah merekodkan semua maklumat berkaitan dengan PKK untuk tujuan kajian dan penilaian jabatan setiap tahun seperti di bawah:-

BIL	TAHUN / KALI	NEGERI	JENIS KAWAD
1	1999 Kali Pertama	Terengganu	1. Taktikal rescua / fire operational exercise 2. Kawad Penyelamat di Air 3. Kawad HAZMAT
2	2000 Kali ke - 2	Pahang	1. Kawad Penyelamat di Air 2. Kawad Hantaran Jauh Berhalangan 3. Kawat Operasi Penyelamat dan Menurunkan Mangsa
3	2001 Kali ke - 3	Kelantan	1. Kawad Penyelamat di Air 2. Kawad Hantaran Jauh Berhalangan 3. Kawat Operasi Penyelamat dan Menurunkan Mangsa
4	2002 Kali ke - 4	Selangor	1. Kawad Penyelamat di Air 2. Kawad Hantaran Jauh Berhalangan 3. Kawat Operasi Penyelamat dan Menurunkan Mangsa
5	2003 Kali ke - 5	Johor	1. Pertandingan Kawad Kaki 2. Kawat Operasi Penyelamat dan Menurunkan Mangsa 3. Kawat Penyelamat Di Air 4. Kawat Hantaran Jauh Berhalangan 5. Kawat Operasi Kemalangan Jalan Raya (RTA) 6. Perbincangan Sindiket / Strategi Taktik Operasi (Table Top)
6	2004 Kali ke - 6	Perak	1. Pertandingan Kawad Kaki 2. Kawat Operasi Penyelamat dan Menurunkan Mangsa 3. Kawat Penyelamat Di Air 4. Kawat Hantaran Jauh Berhalangan 5. Kawat Operasi Kemalangan Jalan Raya (RTA) 6. Perbincangan Sindiket / Strategi Taktik Operasi (Table Top)

Salam Sejahtera salam hormat,

Kehangatan PKK 2007 semakin memuncak apabila cabaran dalam acara FFC bermula dengan pasukan Terengganu mendahului pasukan-pasukan lain. Kontinjen lain merasa sedikit cemas, berdebar-debar kerana bahang persaingan sengit semakin ketara. Acara FFC menjadi penentu kekuatan dan kerjasama kontinjen dalam menghadapi kesukaran dalam kerja-kerja operasi kebombaaran dan penyelamatan. Acara FFC begitu penting dalam PKK 2007 kerana ianya merupakan 'medan pertempuran' dalam pasukan dan diri anggota dari segi kepimpinan, ketahanan fizikal dan mental, semangat setia kawan dan pengukuhan disiplin serta patuh pada arahan ketua. Kekuatan mental anggota teruji apabila tiba di halangan yang berbeza tahap kesukarannya. Sejauh manakah kombinasi kecerdasan fizikal dengan kekuatan mental dapat membantu pasukan untuk melepasi halangan yang dilalui? Insiden kecemasan pada peringkat awal acara menunjukkan betapa pentingnya kecerdasan fizikal dan persediaan mental yang cukup dalam operasi kebombaaran dan penyelamatan.

**CORETAN
KETUA EDITOR**



FFC ini juga boleh digunakan untuk membuat penilaian dari segi keberkesanan komunikasi dan semangat kerja berpasukan di dalam kontinjen. Unsur dasar yang perlu dipupuk di dalam diri anggota ialah jatidiri dan berfikir lebih terbuka untuk meningkatkan ilmu pengetahuan. Terdapat anggota mampu melaksanakan tugas dalam 'situasi yang tertekan' namun aspek kemahiran tinggi, berpengetahuan luas dan pengalaman merupakan pelengkap kepada penghasilan kerja yang berkualiti dan professional. Persoalannya apakah kehebatan dan ketangkasan anggota bomba telah mencapai satu tahap yang maksima dan menepati jangkaan atau harapan masyarakat umum. Kita perlu realistik tentang kemampuan dan keupayaan kita sendiri dan bukannya bersandarkan kepada andaian positif yang diberikan oleh masyarakat secara umum...

*** RALAT ***

**Keputusan Rasmi Acara
Sindikit Perancangan Dan
Strategi Taktik Operasi
2007**

NEGERI		KEPUTUSAN
SELANGOR		PERTAMA
TERENGGANU		KEDUA
LABUAN		KETIGA
SARAWAK		KE - 4
N. SEMBILAN		KE - 5
PAHANG		KE - 6
KELANTAN		KE - 7
WPKL		KE - 8
JOHOR		KE - 9
MELAKA		KE - 10
PERLIS		KE - 11
P. PINANG		KE - 12
PERAK		KE - 13
SABAH		KE - 14
KEDAH		KE - 15

untuk pengesahan rasmi, sila hubungi urusetia PKK 2007

**BENYUM
BOMBA**

1). Untuk memulakan penyelamatan di air, peserta haruslah berenang dengan jarak yang boleh tahan jugak jauhnya..



2). Untuk menyelamatkan mangsa, kekuatan fizikal adalah aspek utama dalam penyelamatan di air...



3). Selain itu, kekuatan fizikal juga dapat menyelamatkan peserta daripada sebarang kemungkinan



1). Semasa acara FFC, peserta hendaklah berlari mendapatkan peralatan di check point



2). Memandangkan pertandingan ini diadakan di dalam hutan...



3). Yang hang pi ambik menatang ni wat apa??



Jadi peserta haruslah berhati-hati semasa mengambil peralatan supaya tidak terjadi sebarang kejadian yang tidak diingini

**Sidang
Redaksi**

- Penaung
PPJB Nordin bin Pauzi
- Penasihat
PgKB Norazam bin Khamis
- Ketua Editor
PGB Jupiri@Jupirik bin Apou
- Editor
PPGB Mohd Sabri bin Ismail
PBIII Thoyyibah binti Taib
PB Mohd Azam bin Mohd Noor
- Reka Bentuk Grafik
PB III Thoyyibah binti Taib
PB Mohd Azam bin Mohd Noor
- Fotografi
PB Raja Arisan Sahseni
PB Rassyidee bin Che Bebakar,
PB Hairul Nizam bin Mohd Noh
PB Mohd Hazri bin Abdul Manan
PB Norashid bin Mamat
PB Zulkarnaim bin Abd. Karim
- Pembantu Sidang Redaksi :
Pelatih Siri 1&2/2007

Firefighters' Challenge 2007
MULA / START

Klik'1

BULETIN PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN
OPERASI KEBOMBAAN JBPM 2007



Le Tour de Bomba

Sebagai acara kemuncak dan terakhir dalam jadual pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebomgaan peringkat kebangsaan 2007 maka semua tumpuan terarah kepada acara ini. Perkembangan dan kedudukan semasa setiap pasukan diikuti dengan penuh minat dan serius oleh para kontinjen. Acara yang akan memberi penentuan kepada kedudukan keseluruhan pasukan-pasukan bagi pertandingan PKK 2007. Setelah kesemua acara berbentuk taktikal dan akademik menutup tirai persaingannya kini acara yang bersifat 'endurance' mengambil tempat mewarnai medan persaingan bagi pertandingan tahun ini.

Acara yang menjadi kemuncak kepada pertandingan kawad kecekapan operasi kebomgaan 2007 membuka tirai persaingannya dengan pasukan Negeri Terengganu memulakan persaingan tepat jam 9.00 pagi, PPJB Soberi bin Basiran selaku wasit bagi acara ini diberi penghormatan untuk membuat pelepasan bagi pasukan pertama ini. Dengan bunyian hon permulaan itu maka bermulalah persaingan untuk menentukan pasukan yang terbilang dari kalangan yang cemerlang.

Tiada banyak perubahan yang ketara bagi acara ini kecuali sedikit perubahan kepada penempatan laluan. Akibat dari pembangunan tanah yang berlaku di sekitar Akademi walaubagimana pun pihak penganjur masih mengekalkan jarak laluan 10 km dan bilangan **Check Point (CP)** sama seperti tahun lepas. Bagi menjamin keselamatan peserta-peserta pasukan yang bertanding, pihak penganjur telah menempatkan pasukan medik di setiap CP bermula dari CP 1 hinggalah CP 8 dalam menentukan perkhidmatan kecemasan dapat disalurkan dengan pantas dan terjamin.

Perjalanan hari pertama acara FFC ini secara keseluruhannya adalah baik. Peserta-peserta yang bertanding pada hari ini telah mempamerkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi terhadap acara ini yang secara langsungnya mencerminkan tahap persediaan dan perancangan yang rapi oleh pasukan-pasukan yang bertanding. Ini dibuktikan jika dilihat dari sudut kecergasan yang ditunjukkan oleh peserta-peserta dimana kurangnya masalah yang ditimbulkan oleh peserta-peserta khususnya berkaitan dengan medik dan bantuan kecemasan. Hanya terdapat seorang peserta wanita yang telah mengalami masalah *critical hyperventilation* dan telah dirawat di bilik rawatan seterusnya dihantar ke Hospital Kuala Terengganu. Pada tahun ini, peraturan acara ini menetapkan penyertaan peserta wanita dalam setiap pasukan dan ini merupakan satu dimensi baru dalam acara FFC.

Namun pertandingan di pertengahan jalan dan masih terdapat lapan kontinjen yang akan mempersembahkan aksi masing-masing pada hari kedua bagi acara ini nanti. Dan cabaran getir menanti mereka di laluan acara. Tambahan pula hujan rahmat di senja hari tentunya akan memberi suntikan harapan agar halangan dan rintangan dapat ditempuhi dengan jayanya.



Wakaf Tapai... Tunggu... Kami cabar kau...

Woi! Ape ni woi! Tunggu giliran la woi!

Kereta ni kitaorg beli kongsi-kongsi. Sahut seruan kerajaan supaya berkongsi kereta la katakan..

Mak aii! Berat Ya Rabbi... Ni berat tulang ke berat dosa ni?

Aahh!!! Aku la pulak! Asyik kau je nak sembur diorang tu...

Maaf Encik.. Tempat bergaduh bukan di sini yea. Tapi kalau cedera, sila ke kaunter medik utk ambil ubat.

Org kampung.. Aku menang!!!

Peace brother!

Adeh.. adeh.. Tolong bang, tolong...

Adeh! Adeh! Terkepit kepala aku!

Hail!

Hail! Org panggil saya 'Margina'.

Hang jgn nak buat pasai. Kita dah nak sampai dah ni...

Kalau aku tangkap ikan guna basket strainer pun boleh jugak ni..

Ni la dia hasil tangkapan kami hari ni. Tak jumpa pelanduk, jumpa hos pun jadilah..

Pohon beringin.. daunnya rendang. Aku nak duk kt sini la. Kot2 ada Puteri sesat masuk sini, bleh la berkenalan.

Sat laa...

Aduhh.. ape la nasib kita ni yea. Diperlakukan sebegini rupa. Nasib.. nasib..

Cepat la sikit! Nanti ada org nampak. Aku dah lama tak mandi swimming pool nil